



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**POLA PENGGUNAAN MEDIA KOMUNIKASI DI KALANGAN
TENAGA PENGAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA**

JOHARI BIN HASSAN

FPP L 1990 1

POLA PENGGUNAAN MEDIA KOMUNIKASI
DI KALANGAN TENAGA PENGAJAR
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

oleh

JOHARI BIN HASSAN

Tesis yang Dikemukakan bagi Memenuhi Sebahagian daripada
Syarat untuk Memperolehi Ijazah Master Sains
dari Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan,
Universiti Pertanian Malaysia.

Februari 1990



Istimewa untuk,

Bonda yang dikasihi,

Isteriku tersayang,

Abang Long, Angah dan Sai'dah
yang belum mengerti erti hidup ini.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan empunya sekalian Alam; yang telah memberi petunjuk hingga sempurnanya penulisan ini. Sesungguhnya hanya dengan keizinanNya, semua ini terjadi.

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan serta jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Prof. Madya Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah, selaku ketua penyelia yang telah bersusah payah membantu serta memberi dorongan bukan sahaja dalam menyiapkan tesis ini malah sepanjang pengajian siswazahnya di sini.

Ribuan terima kasih juga kepada En. Musa Abu Hassan selaku penyelia yang dengan bantuan intelektualnya dapat menjayakan penulisan ini.

Di sini juga penulis ingin merakamkan rasa terharu di atas kepercayaan, kesabaran dan dorongan serta tunjukajar yang telah diberikan oleh Pengarah PPPL, Prof. Madya Dr. Rahim Md. Sail di mana tanpa sokongan kuat daripadanya, semua ini mungkin tinggal impian semata-mata.

Begitu juga ribuan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Tuan Haji Dr. Mohd Yusof Hussain yang telah banyak memberi bimbingan sejak dari permulaan kajian ini ingin dijalankan.



Setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah dan kakitangan PPPL yang telah banyak memberi bantuan dan sokongan dalam menjayakan kajian ini, terutama sekali kepada En. Bahaman Abu Samah dan Puan Saodah Wok, semasa membuat penganalisan data, En. Yaziz Osman, mengumpulkan data dan Puan Ku Fauziah dalam menyiapkan taipskripnya. Begitu juga terima kasih kepada puan Siti Hawa Yahya yang telah membantu dalam memproses data tersebut.

Akhir kata kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan kajian ini, penulis merakamkan setinggi terima kasih dan berdoa agar segala jasa baik yang telah dicurahkan diberkati dan dirahmati Allah. Kepada isteri yang tercinta dan anak-anak yang menjadi sumber inspirasi; yang sabar menanti dengan keringat dan airmata, semoga semuanya ini menjadi mutiara, penerang pada hari akhirat kelak. Amiiin.



SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN.....	i
SENARAI JADUAL.....	ix
ABSTRAK.....	xiii
ABSTRACT.....	xv
BAB I PENDAHULUAN	
Pernyataan Masalah.....	6
Objektif Kajian.....	9
Kepentingan Kajian.....	11
Skop dan Batasan Kajian.....	12
Definisi Beberapa Istilah Penting.....	13
BAB II SOROTAN BAHAN BERTULIS	
Media Komunikasi.....	16
Kepentingan Media Komunikasi di dalam Pengajaran.....	21
Sejarah Penggunaan Media Komunikasi di dalam Pengajaran.....	25
Kategori Media Komunikasi.....	27
Rangka Teori.....	30
Proses Penerimaan Inovasi.....	30
Faktor Berkaitan dengan Penggunaan Media Komunikasi.....	35
Hipotesis Kajian.....	41



BAB III	METODOLOGI	
	Bentuk Kajian.....	42
	Sampel dan Prosedur Persampelan.....	42
	Pembentukan Alat Pengukuran.....	43
	Soalselidik.....	43
	Prauji.....	46
	Pengumpulan Data.....	46
	Pembolehubah.....	47
	Pengukuran Pembolehubah Sandar.....	48
	Pengukuran Pembolehubah Bebas.....	49
	Penganalisan Data.....	53
BAB IV	HASIL KAJIAN	
	Latar Belakang Responden.....	54
	Bilangan Responden mengikut Institusi.....	54
	Taburan Responden mengikut Bidang Pengajian..	54
	Jawatan Disandang.....	56
	Kelulusan Tertinggi.....	56
	Umur.....	57
	Pengalaman Menjadi Guru.....	58
	Pengalaman Bekerja sebagai Pensyarah.....	59
	Persepsi Mengenai Penggunaan Media Komunikasi...	60
	Pandangan Mengapa Pensyarah Tidak Menggunakan Media.....	67
	Pola Penggunaan Media Komunikasi.....	68
	Penggunaan Media Komunikasi.....	68



Kekerapan Menggunakan Media Komunikasi.....	69
Jenis Media yang Digunakan.....	70
Kepadatan Penggunaan Media Semasa Pengajaran..	73
Media yang Paling Digemari.....	74
Penggunaan Media Lain pada Masa Hadapan.....	76
Dasar Penggunaan Media.....	77
Sebab Menggunakan Media Komunikasi di dalam Pengajaran.....	77
Tujuan Khusus Penggunaan Media.....	79
Sebab Tidak Menggunakan Media.....	80
Kemahiran Penggunaan Media.....	83
Tahap Kemahiran Menggunakan Peralatan Media..	83
Tahap Kemahiran Menggunakan Bahan Media.....	85
Tanggapan Perlunya Kemahiran Menggunakan Peralatan Media.....	89
Tanggapan Perlunya Kemahiran Menggunakan Bahan Media.....	91
Kekerapan Menggalakkan Pelajar Menggunakan Media.....	93
Latihan.....	94
Mengikuti Kursus/Latihan di bidang Media Komunikasi.....	94
Keperluan Latihan.....	94
Bidang Latihan.....	95
Pembacaan.....	96
Berbincang Mengenai Pengajaran.....	97
Perbincangan dengan Teman Sekerja Mengenai Pengajaran.....	97

Perbincangan dengan Teman Sekerja Mengenai Masalah Pengajaran.....	98
Perbincangan dengan Pakar Media Komunikasi...	99
Perbincangan dengan Juruteknik Media.....	100
Lawatan.....	101
Kekerapan Melawat ke Pusat/Unit Media Komuniaksi.....	101
Tujuan Lawatan ke Pusat/Unit Media Komunikasi.....	103
Kelengkapan.....	104
Kecukupan Peralatan Media.....	104
Kecukupan Bahan Media.....	105
Peralatan Media yang Perlu Ditambah.....	106
Bahan Media yang Perlu Diperbanyakkan.....	107
Kesusuaian Struktur Bilik/Dewan Kuliah.....	108
Perkhidmatan Media.....	109
Pandangan Mengenai Perkhidmatan Media Komunikasi.....	109
Perkhidmatan Penyediaan Bahan Media.....	110
Perkhidmatan Khidmat Nasihat Berkaitan Media Komunikasi.....	111
Daya Kreatif Terhadap Kaedah Pengajaran.....	113
Perkaitan antara Beberapa Pembolehubah.....	119
Perbezaan Bidang Pengajian dan Perkaitannya dengan Beberapa Pembolehubah Terpilih.....	119
Analisis Varian Kekerapan Penggunaan Media Komunikasi dengan Beberapa Pembolehubah Terpilih.....	125

	Perkaitan di antara Penggunaan Media Komunikasi dengan Beberapa Pembolehubah Bebas.....	126
BAB V	RINGKASAN, RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
	Ringkasan.....	130
	Metodologi.....	130
	Rumusan Hasil Kajian.....	131
	Latar Belakang Responden.....	131
	Persepsi terhadap Keberkesanan Media.....	132
	Pandangan Mengapa Pensyarah Tidak Menggunakan Media.....	132
	Pola Penggunaan Media.....	133
	Dasar Penggunaan Media.....	134
	Kemahiran Penggunaan Media.....	135
	Latihan.....	136
	Pembacaan.....	137
	Perbincangan Mengenai Pengajaran.....	137
	Lawatan.....	138
	Kelengkapan.....	139
	Perkhidmatan Media.....	140
	Daya Kreatif Terhadap Kaedah Pengajaran.....	140
	Perkaitan antara Beberapa Pembolehubah.....	141
	Perbincangan dan Kesimpulan Kajian.....	143
	Cadangan.....	153
	Umum.....	153

Kajian akan datang.....	154
Rujukan.....	156
Rujukan Tambahan.....	161
LAMPIRAN A (Borang Soalselidik).....	163
LAMPIRAN B (Jadual 50 dan Jadual 51).....	182
VITA.....	183



SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
1	Taburan Responden Mengikut Institusi.....	55
2	Taburan Peratusan Responden Mengikut Bidang Pengajian.....	55
3	Taburan Peratusan Responden Mengikut Jawatan Sekarang.....	56
4	Taburan Peratusan Responden Mengikut Kelulusan Tertinggi yang Diperolehi.....	57
5	Taburan Peratusan Responden Mengikut Umur.....	58
6	Taburan Peratusan Responden yang Pernah Menjadi Guru Sekolah.....	58
7	Taburan Peratusan Responden Mengikut Jangkamasa Menjadi Pensyarah.....	59
8	Taburan Peratusan Responden Mengikut Persepsi Mengenai Penggunaan Media Komunikasi.....	64
9	Taburan Peratusan Responden Mengikut Pandangan Mengapa Pensyarah Tidak Menggunakan Media Komunikasi di dalam Pengajaran.....	68
10	Taburan Peratusan Responden Mengikut Penggunaan Media Komunikasi Semasa Mengajar.....	69
11	Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Menggunakan Media Komunikasi....	70
12	Taburan Peratusan Responden Mengikut Jenis-Jenis Media yang Digunakan bagi Kursus yang Diajarkan.....	72
13	Taburan Peratusan Responden Mengikut Kepadatan Penggunaan Media Mengikut Jenisnya Semasa Pengajaran.....	75



JADUAL		MUKA SURAT
14	Taburan Peratusan Responden Mengenai Tiga Media yang Paling Digemari.....	76
15	Taburan Peratusan Responden Mengikut Cadangan Penggunaan Media Lain pada Masa Hadapan.....	77
16	Taburan Peratusan Responden Mengikut Sebab Menggunakan Media Komunikasi di dalam Pengajaran.....	78
17	Taburan Peratusan Responden Mengikut Tujuan Khusus Penggunaan Media Komunikasi dalam Pengajaran.....	80
18	Taburan Bilangan Responden Mengikut Sebab Mengapa Tidak Menggunakan Media Komunikasi dalam Pengajaran pada Semester/ Penggal yang Lalu.....	82
19	Taburan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Menggunakan Peralatan Media.....	87
20	Taburan Peratusan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Menyediakan Bahan Media.....	88
21	Taburan Responden Mengikut Tanggapan Mengenai Perlunya Pensyarah Mempunyai Kemahiran Menggunakan Peralatan Media.....	90
22	Taburan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pentingnya Seorang Pensyarah Mempunyai Kemahiran Menyediakan Bahan Media.....	92
23	Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Menggalakkan Pelajar Menggunakan Sebarang Media Komunikasi.....	93
24	Taburan Peratusan Responden Yang Pernah Mengikuti Kursus/Latihan di bidang Media Komunikasi.....	94
25	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Perlunya Latihan Dalam Perkhidmatan di bidang Media Komunikasi.....	95



JADUAL	MUKA SURAT
26	Taburan Peratusan Responden Mengikut Bidang-bidang Latihan yang Perlu Diberikan kepada Pensyarah..... 96
27	Taburan Responden Mengikut Majalah/Jurnal Media Komunikasi yang Pernah Dibaca..... 97
28	Taburan Responden Mengikut Tahap Kekerapan Berbincang dengan Teman Sekerja Mengenai Teknik Pengajaran..... 98
29	Taburan Responden Mengikut Tahap Kekerapan Berbincang dengan Teman Sekerja Mengenai Masalah dalam Pengajaran..... 99
30	Taburan Responden Mengikut Tahap Kekerapan Berbincang dengan Pakar-pakar Media Komunikasi Mengenai Penggunaan Media di dalam Pengajaran..... 100
31	Taburan Responden Mengikut Tahap Kekerapan Berbincang dengan Juruteknik Media Mengenai Bantuan Semasa Mengajar..... 101
32	Taburan Responden Mengikut Kekerapan Melawat ke Pusat/Unit Media Komunikasi di tempat Sendiri pada Semester/Penggal Lalu..... 102
33	Taburan Peratusan Responden Mengikut Tujuan Melawat ke Pusat/Unit Media Komunikasi di tempat Sendiri..... 103
34	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Kecukupan Peralatan Media Komunikasi di tempat Sendiri..... 104
35	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Kecukupan Bahan-bahan Media Komunikasi di tempat Sendiri..... 105
36	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Peralatan Media (Hardware) yang Perlu Ditambah..... 106
37	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Bahan-bahan Media (Software) yang Perlu diperbanyakkan..... 107



JADUAL	MUKA SURAT
38	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Struktur Bilik/Dewan Kuliah di tempat Sendiri bagi Penggunaan Media Komunikasi..... 109
39	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Perkhidmatan yang Berkaitan dengan Media Komunikasi..... 110
40	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Perkhidmatan Penyediaan Bahan-bahan Media Komunikasi untuk Pengajaran di tempat Sendiri..... 111
41	Taburan Responden Mengikut Pandangan Mengenai Perkhidmatan Khidmat Nasihat Berkaitan Media Komunikasi untuk Pengajaran. 112
42	Taburan Peratusan Responden Mengikut Pandangan Terhadap Kaedah Pengajaran..... 117
43	Analisis Varian Perkaitan antara Persepsi Keberkesanan Media Komunikasi dengan Bidang Pengajian..... 120
44	Analisis Varian di antara Penggunaan Media Komunikasi dengan Bidang Pengajian..... 121
45	Analisis Varian di antara Kekerapan Penggunaan Media Komunikasi dengan Bidang Pengajian..... 122
46	Analisis Varian di antara Kemahiran Penggunaan Media Komunikasi dengan Bidang Pengajian..... 123
47	Analisis Varian di antara Daya Kreatif di dalam Pengajaran dengan Bidang Pengajian 124
48	Analisis Varian Perkaitan di antara Kekerapan Penggunaan Media Komunikasi dengan Beberapa Pembolehubah Bebas..... 126
49	Regresi: Perkaitan di antara Kekerapan Penggunaan Media Komunikasi dengan Beberapa Pembolehubah Bebas..... 129



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk ijazah Master Sains.

POLA PENGGUNAAN MEDIA KOMUNIKASI DI KALANGAN TENAGA PENGAJAR
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

Oleh

JOHARI BIN HASSAN

Februari 1990

Penyelia : Mohd. Fadzilah Kamsah, Ph.D
Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Kajian ini bertujuan untuk menentukan status penggunaan media komunikasi dalam pengajaran oleh tenaga pengajar institusi pengajian tinggi di Malaysia, di samping mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media komunikasi tersebut.

Seramai 88 orang tenaga pengajar dari lima buah universiti tempatan telah menjadi responden kajian ini. Responden dipilih secara rawak bagi mewakili bidang pengajian sains tulen, sains gunaan dan sains sosial secara umum. Soalselidik jawab sendiri telah digunakan bagi pengumpulan data dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik am seperti kekerapan, peratusan, min dan juga menggunakan ANOVA dan regresi berganda.

Pada umumnya hampir kesemua responden telah menggunakan media komunikasi semasa pengajaran mereka. Responden juga didapati menggunakan media pada hampir setiap kali kuliah pada semester kajian dijalankan. Media komunikasi yang menjadi



kegemaran responden adalah projektor lutsinar (OHP) dan papan tulis di samping media elektronik seperti video dan komputer. Responden kajian yang berbeza latar belakang bidang pengajian didapati tidak mempunyai banyak perbezaan dari segi penggunaan media komunikasi melainkan tahap kemahiran mereka.

Hasil kajian juga mendapati bahawa persepsi responden terhadap keberkesanan media komunikasi merupakan faktor utama yang mempengaruhi penggunaan media dalam pengajaran. Di samping itu pembacaan jurnal/majalah mengenai media juga didapati mempunyai pengaruh yang bererti terhadap penggunaan media. Umur responden juga didapati mempunyai kaitan rapat dengan penggunaan media komunikasi. Responden yang lebih muda mempunyai tahap penggunaan media yang lebih tinggi daripada mereka yang lebih tua.

Faktor utama yang menjadi penghalang kepada penggunaan media di kalangan responden adalah sikap negatif mereka terhadap penggunaan media itu sendiri di samping kemahiran yang rendah di dalam penggunaan media komunikasi untuk pengajaran. Walaupun kelengkapan peralatan media dan kesesuaian bilik kuliah bagi penggunaan media adalah jauh dari memuaskan, ianya tidaklah begitu ketara di dalam mempengaruhi penggunaan media di kalangan responden. Pada keseluruhannya kajian ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan media komunikasi di dalam pengajaran di kalangan tenaga pengajar institusi pengajian tinggi di Malaysia adalah agak tinggi dan memuaskan.



Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

UTILIZATION PATTERN OF COMMUNICATION MEDIA AMONG ACADEMIC STAFF
OF INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING IN MALAYSIA

By

JOHARI BIN HASSAN

Februari 1990

Supervisor : Mohd. Fadzilah Kamsah, Ph.D
Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

The purpose of this study was to determine the actual status of utilization of communication media for instruction among the academic staff of institutions of higher learning in Malaysia, as well as to identify the factors associated with the use of such media.

The respondents of this study were 88 members of the academic staff from five local universities. They were randomly selected to represent three general fields of study -- the pure sciences, applied sciences and the social sciences. Data were collected by using self-administered questionnaire and analysed by using general statistical tools such as means, frequencies and percentages. ANOVA and multiple regression were used to test the relationships between the dependent and independent variables.

In general, most of the respondents had used communication media in their teaching for almost every lecture during the



study period. The more popular communication media among the respondents were the overhead projector (OHP) and the writing board, besides the electronic media such as videos and computers. In term of the utilization of communication media, there were very little differences among the three groups of respondents, except their level of skills.

The research shows that the respondents' perception of the effectiveness of the communication media was the major factor associated with their utilization. The other significant factor was the extent of exposure to magazines/journals concerning communication media. Age was also found to be significantly related to the use of media. The younger the respondent, the higher the level of use of these media.

The major factor hindering the use of communication media among the respondents was their negative attitude towards the use of such media, besides the low level of skill in using the media for instruction. Although the services given and the availability of equipment were far from satisfactory, the finding did not show any significant influence on the level of media use. Generally, the research shows that the level of use of communication media for instruction among the academic staff of the institutions of higher learning in Malaysia was high and satisfactory.

BAB I

PENDAHULUAN

Manusia telah dianugerahkan Allah kemampuan berkomunikasi sejak ia dilahirkan di muka bumi ini, sama ada dalam bentuk pertuturan (lisan) mahupun pergerakan anggota badan (bukan lisan). Ayat Al-Quran yang pertama diturunkan lebih kurang 1400 tahun dahulu, mengajar manusia membaca dan menulis (Al-Quran, Al-Alaq: ayat 1-4). Namun demikian komunikasi sebenarnya telah bermula lebih lama dari itu. Sebelum manusia diciptakan lagi komunikasi telah bermula. Contohnya apabila Allah berfirman kepada Malaikat bahawa Dia akan menciptakan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini, lalu dijawab oleh malaikat dengan kata-kata keraguan (Al-Quran, Al-Baqarah: ayat 30-34).

Sama ada kita sedari atau tidak, kita sentiasa berkomunikasi pada setiap saat dalam hidup kita. Ianya kita lakukan bukan sahaja bagi memenuhi kehendak sosial dan psikologikal (Mansor et al., 1984) malah dalam memenuhi kehendak fisiologikal pun kita harus berkomunikasi. Dari itu tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa komunikasi itu merupakan salah satu dari keperluan asas kehidupan manusia. Manusia sering berkomunikasi dengan dirinya sendiri seperti berfikir dan memendam perasaan, begitu juga dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.



Secara umumnya komunikasi sering dikenali sebagai pengaliran maklumat daripada sumber kepada penerima. Tetapi mengikut Littlejohn (1983), perkataan komunikasi adalah merupakan suatu yang abstrak dan mempunyai berbilang maksud. Dari itu agak sukar untuk mendapatkan satu definisi komunikasi yang diterima umum. Beratus definisi komunikasi telah ditulis dan pada tahun 1970 sahaja, Dance telah pun mengumpulkan sebanyak 98 definisi yang berlainan mengenai komunikasi dan telah mengklasifikasikannya kepada 15 kategori yang berlainan (seperti yang dilaporkan oleh Littlejohn, 1983). Di sini kita tidak akan meneliti kesemua definisi yang terdapat. Penekanan akan diberikan kepada definisi yang sesuai dengan perkara yang kita bicarakan iaitu proses pengajaran. Dari itu komunikasi bolehlah didefinisikan sebagai pemindahan maklumat daripada sumber kepada penerima dengan tujuan membawa perubahan dari segi pengetahuan, sikap ataupun kemahiran.

Pengajaran mengikut Heinich et al. (1982) merupakan suatu bentuk komunikasi yang direka khas bagi meluas dan meningkatkan bidang pengalaman seseorang pelajar. Pengajaran juga merupakan penyusunan maklumat untuk melahirkan pembelajaran. Sedangkan pemindahan maklumat tersebut, dalam konteks ini dari guru kepada pelajarnya, merupakan suatu proses komunikasi. Oleh kerana pembelajaran baru selalunya bergantung kepada penerimaan maklumat baru, maka pengajaran berkesan tidak akan berlaku melainkan berlakunya komunikasi.

Tegasnya komunikasi merupakan unsur penting di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tanpa komunikasi proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan berlaku. Boleh dikatakan semua aktiviti pembelajaran melibatkan komunikasi, sama ada di antara guru dengan murid, ataupun di antara murid itu sendiri dengan buku dan alam sekelilingnya.

Walau di peringkat mana pun proses pembelajaran berlaku, ianya harus bermula dengan komunikasi yang berkesan. Penyampaian sesuatu maklumat berlaku jika maklumat tersebut difahami oleh sipenerima. Dengan kata-kata lain, komunikasi tidak berlaku jika pemindahan makna dari guru sebagai punca maklumat kepada pelajar sebagai penerima maklumat tidak diterima dengan baik. Dari itu, walaupun guru mengajar, pelajar pada hakikatnya tidak belajar jika proses komunikasi tergendala.

Seorang pengajar harus peka terhadap hakikat bahawa perkara yang mereka sampaikan tidak semestinya diterima oleh pelajar mereka. Lebih-lebih lagi di peringkat pengajian tinggi di mana corak penyampaian pengajaran atau maklumat seringkali dibuat secara lisan. Ini diperakui oleh Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia sendiri yang disiarkan dalam satu akhbar tempatan, yang menyatakan bahawa para pensyarah lebih suka mengamalkan corak pengajaran secara tradisional dengan menggunakan "kaedah kapur dan cakap" sahaja (New Straits Times, 7 Okt. 1980).



Banyak kajian telah mendapati bahawa lebih dari 75 peratus dari maklumat operasi yang kita gunakan dalam kehidupan sehari-hari diperolehi melalui pancaindera penglihatan (Salinger, 1985). Berdasarkan kepada penemuan itu, corak penyampaian yang lebih banyak memerlukan penggunaan indera penglihatan harus digunakan berbanding dengan kaedah-kaedah yang lain.

Perkembangan dan kemajuan teknologi semakin meningkat masa kini. Arusnya akan meninggalkan sesiapa yang tidak mampu atau tidak mahu turut serta. Terutamanya dalam bidang teknologi komunikasi, perkembangannya telah banyak merubah corak kehidupan manusia. Masyarakat perindustrian seperti Amerika dan Jepun telah berubah menjadi "masyarakat maklumat" dengan kemajuan teknologi di bidang komunikasi (Rogers, 1983a).

Dengan berlakunya "ledakan maklumat" ini, maka keperluan untuk menambahkan ilmu pengetahuan bagi setiap individu semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, bagi para pengajar juga harus mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran mereka. Sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Abdul Rahman Arshad (1984), bahawa guru bukan hanya merupakan "sumber ilmu pengetahuan", malah harus menjadi penunjuk mengenai cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tersebut. Dengan kesedaran ini didapati ramai tenaga pengajar telah mula menukar corak pengajaran mereka, walaupun sebahagian besar masih mempertahankan bentuk dan cara pengajaran lama mereka. Ada yang merasakan yang corak pengajaran mereka

merupakan suatu identiti mereka sebagai tenaga pengajar terutama sekali di peringkat pengajian tinggi. Corak penyampaian yang berbentuk syarahan semata-mata telah serba sedikit bertukar kepada cara yang lebih menarik dengan menggunakan berbagai-bagai media komunikasi hasil dari perkembangan teknologi masa kini.

Dengan bertambahnya bilangan pelajar dan isi pelajaran yang hendak disampaikan, di samping bertambah singkatnya waktu pembelajaran, maka penggunaan teknologi baru di bidang komunikasi terpaksa diamalkan. Ini adalah untuk menampung keperluan menyampaikan lebih banyak maklumat dalam masa yang semakin singkat di semua peringkat pengajaran.

Media komunikasi bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat yang lebih banyak dalam masa yang lebih singkat, malah ia dapat menambahkan keberkesanan sesuatu komunikasi yang dijalankan. Penggunaan media komunikasi akan menggalakkan penerima menggunakan lebih banyak derianya untuk sesuatu rangsangan komunikasi. Kajian telah membuktikan bahawa penggunaan lebih dari satu deria dapat menambahkan keberkesanan sesuatu proses komunikasi itu. Bradfield (1966) dalam kajiannya mengenai daya pengingatan mendapati bahawa penerima boleh mengingat hanya 10 peratus sahaja dari apa yang didengar, 50 peratus dari apa yang didengar dan dilihat dan akhirnya 90 peratus dari apa yang didengar, dilihat dan dibuat di dalam suatu suasana pembelajaran. Dari itu media komunikasi bukan

sahaja dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi malah ia telah dibuktikan dapat menambahkan keberkesanan proses pembelajaran.

Kesedaran mengenai kepentingan media komunikasi di dalam pengajaran telah lama dirasai di semua pusat pengajian tinggi di Malaysia. Ini dibuktikan dengan terbentuknya beberapa bahagian/unit audio-visual atau unit sokongan komunikasi dan juga pusat teknologi pendidikan yang memberikan khidmat media komunikasi bagi tenaga pengajar dan juga pelajar-pelajar (Mohd Yusof Hussein, 1985). Namun demikian, dari kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa kadar penggunaannya belum begitu menggalakkan, terutama bagi mereka yang bukan dalam bidang sains sosial.

Pernyataan Masalah

Adalah menjadi hasrat pihak pentadbir institusi pengajian tinggi untuk menyediakan segala kemudahan media komunikasi agar ianya digunakan dengan sebaik mungkin. Penggunaan media komunikasi di dalam pengajaran di kalangan tenaga pengajar didapati tidak begitu menggalakkan, terutama sekali mereka yang bukan berlatarbelakangkan pengajian pendidikan mahupun sains sosial (Mohd. Yusof Hussein, 1985). Namun demikian status penggunaannya masih belum dapat dipastikan. Dari pemerhatian yang dibuat, ramai orang menyatakan penggunaan media komunikasi